

**Pengkisahan Sejarah Untuk Generasi Muda  
Bernama  
27 Februari, 2012  
Oleh Wan Shahara Ahmad Ghazali dan Rohana Mustaffa**

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- 14 Feb tahun ini agak berbeza bagi generasi muda Malaysia. Kalau biasanya mereka mengaitkan tarikh ini dengan hari kekasih, kali ini ramai yang menggunakan laman sosial mereka untuk memanjangkan kisah pengorbanan Leftenan Adnan Saidi yang terbunuh pada tarikh sama, tahun 1942.

Pertempuran di Bukit Candu, Pasir Panjang Singapura antara askar Melayu dan tentera Jepun itu tercatat dalam sejarah sebagai peristiwa penting di garisan terakhir pertahanan Tanah Melayu.

Lt Adnan yang ketika itu berusia 27 tahun, terkorban ketika memimpin sepasukan kecil askar menentang Jepun. Mereka bertempur beberapa kali, cuma yang terakhir, tentera Jepun terlalu besar untuk dikalahkan.

Beliau mati dalam keadaan yang menyayat hati kerana diikat di pokok dan ditikam berkali-kali dengan bayonet Jepun. Mayatnya dibiarkan tergantung sebagai pengajaran kepada orang lain yang menentang Jepun ketika itu.

"Jika ada 10 orang Leftenan Adnan, belum pasti Malaya jatuh ke tangan Jepun," ini petikan popular Jeneral Yamashita, yang digelar Harimau Malaya, mengenai keberanian Lt Adnan mempertahankan tanah air hingga ke titisan darah terakhir.

Peristiwa benar begini sememangnya mahu disebar luaskan kepada generasi muda yang dilihat banyak meringankan sejarah, sehingga mereka mudah terkeliru dalam proses membina semangat kebangsaan dan jati diri.

Kenapa ramai anak muda dahulu yang menyertai pasukan Askar Melayu, renjer, polis dan pasukan polis hutan? Selain faktor kemiskinan akibat dijajah dan cengkaman Ddarurat, mereka dirangsang kesedaran dan keperluan membanteras komunis.

Jabatan Warisan Negara menganjurkan satu kolokium pada 25 Feb untuk mengengahkan semula fakta sebenar sejarah perjuangan bagi tujuan memupuk semangat patriotik dalam kalangan anak muda.

Kolokium Sejarah Malaysia itu menyaksikan pertemuan pakar sejarah negara, serta pejuang polis dan tentera di zaman penjajahan untuk menegaskan kesahihan sejarah negara kepada peserta yang terdiri daripada 500 pelajar institusi pengajian tinggi, persatuan belia, anggota Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Pemuda dan Puteri Barisan Nasional.

### **JEMPUTAN TERBUKA KOLOKIUUM**

Kolokium itu juga bertujuan memperbetul persepsi bahawa Parti Komunis Malaya adalah pejuang kemerdekaan.

"Mereka yang terkeliru juga dijemput mendengar sendiri realiti kehidupan sebenar yang dialami oleh anggota keselamatan yang menggadai nyawa mempertahankan negara daripada penjajah dan ancaman komunis semasa zaman darurat bagi menjamin kehidupan generasi

masa kini," kata anggota Jawatankuasa Sekretariat Kolokium, Profesor Dr Nordin Hussin.

Kolokium itu juga bagi menghargai generasi lalu yang menghadapi keperitan hidup, cabaran getir mental dan fizikal akibat penindasan ekonomi dan sosial angkara ideologi komunisme, katanya.

Ketua Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia itu berkata kolokium itu dibahagi kepada dua sesi -- 'Cabaran Perjuangan Kemerdekaan' dan 'Kepentingan Sejarah Dalam Pembinaan Negara Bangsa'.

## **TOLAK KOMUNIS**

Profesor Datuk Dr Ramlah Adam, tokoh sejarah dan pensyarah Universiti Teknologi Mara berkata kolokium itu memberi penerangan kepada generasi muda mengenai ancaman komunis yang merupakan satu daripada cabaran utama perjuangan kemerdekaan negara.

"Jika kita imbas kembali perjuangan menentang komunis adalah perjuangan yang sangat perit, yang memerlukan kekuatan mental dan fizikal generasi dahulu kerana mereka menentang ideologi yang dibawa dari luar untuk diterapkan ke dalam masyarakat kita," katanya.

Beliau berkata:"Yang menolak komunis ketika itu bukan kerajaan, tetapi masyarakat sendiri melalui pilihan raya. Ini kerana ketika itu, walaupun parti komunis diharamkan tetapi anggotanya masih boleh bertanding pada pilihan raya.

Pada pilihan raya umum pertama negara, pengundi menolak Parti Buruh dan Parti Sosialis Malaya yang jelas menampilkan calon yang membawa ideologi komunis. Ketika itu Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC menang besar 51 kerusi dan PAS 1 kerusi.

Hasil daripada kemenangan itu barulah Tanah Melayu diberi berkerajaan sendiri oleh British dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dilantik sebagai Ketua Menteri, katanya.

Bagi mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu, usaha telah dijalankan untuk menamatkan pemberontakan PKM. Hasilnya Rundingan Baling diadakan pada 28 dan 29 Dis 1955. Pihak kerajaan diwakili Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan David Marshall. PKM pula diwakili Chin Peng, Cheng Tien dan Rashid Maidin.

Bagaimanapun, rundingan itu gagal kerana PKM enggan membubarkan parti dan perjuangan mereka.

Kolokium itu menerangkan kepada generasi muda bahawa PKM terus menerus mahu menerapkan ideologi mereka sepanjang tempoh darurat 1948 dan 1960, tentang kekejaman dan keganasan yang dilakukan kepada sesiapa sahaja yang dianggap musuh mereka.

Banyak peristiwa ngeri askar Melayu dan individu yang diserang dan dibunuh kejam, mayat mereka dikelar dan dilapah komunis.

"Masyarakat menolak komunis kerana ketaksuban mereka menggunakan senjata, kekerasan dan paksaan demi kepentingan sendiri, tambahan pula budaya dalam sistem politik dan pentadbiran Melayu, tidak dapat menerima sesuatu yang keras dan bercorak paksaan," kata Prof Ramlah.

## **WIRA SEBENAR**

Anak-anak muda kurang pengetahuan dan kurang merasakan bahaya ancaman komunis ini, kerana mereka tidak banyak membaca sejarah, ditambah pula, mereka tidak lahir di zaman darurat dan membesar dengan isu-isu keselamatan.

Mereka merasakan sudah cukup selesa oleh itu mereka tidak mengambil berat untuk mendalami sejarah yang berlaku, kata Prof Ramlah.

Beliau berkata generasi muda sudah terlalu jauh dengan peristiwa sebenar sehingga mereka tidak memerlukan suasana yang menyebabkan mereka sedar mengenai ancaman komunis.

Kini, katanya, ada ancaman baharu apabila komunis merasakan mereka sudah ketinggalan dalam lipatan sejarah, maka mereka wujudkan gerakan baharu untuk menjelmakan semula ideologi mereka sebagai idea yang murni.

"Hari ini dunia tanpa sempadan menyebabkan fikiran anak muda terkeliru dan merasakan mereka tidak perlu lagi menghormati sejarah," katanya.

## **ARTABATKAN WIRA**

**Prof Ramlah berkata memang sudah tiba masanya kolokium seperti itu diadakan bagi memartabatkan peranan pemimpin-pemimpin dahulu, wira-wira yang tidak didendang, termasuk penulis dan pemikir di zaman menentang komunis dan penjajah.**

**Hero sebenar waktu dahulu ialah orang seperti Datuk Onn Jaafar (pengasas Umno), katanya.**

**Generasi muda kena tahu kenapa Kampung Baru Cina dibuka, pengorbanan Melayu berkongsi negara dan kuasa, atau bagaimana Raja-Raja Melayu sebenarnya tidak pernah melepaskan kuasa kerakyatan kepada British, katanya.**

**"Kolokium seperti ini bukan setakat merenung, tetapi melawat semula dan membetulkan intepretasi sejarah supaya pemikiran generasi muda berada pada landasan yang betul," katanya.**

**Beliau menyarankan agar semua lokasi utama serangan komunis diwartakan, peranan polis dan tentera serta tokoh pejuang dalam kalangan mereka, seperti Lt Adnan, patut banyak diketengahkan dalam penulisan sejarah negara.**

**Prof Ramlah mencadangkan supaya ensaiklopedia tentang wira dan tokoh pejuang negara diterbitkan untuk rujukan ramai.**

**"Kita ada banyak sejarah politik dan ekonomi tetapi tiada siapa yang menulis sejarah wira-wira tidak didendang yang banyak menyumbang kepada sejarah perjuangan dan kemerdekaan negara," katanya.**

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsfeatures.php?id=648355>